

30/09/1999

BN sepakat serah pemilihan calon kepada Mahathir

KUALA LUMPUR, Rabu - Semua parti komponen Barisan Nasional (BN) sepakat untuk tidak menimbulkan soal calon dan pengagihan kerusi secara terbuka bagi mengelak salah faham yang boleh mencetuskan isu menjelang pilihan raya umum.

Dalam mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan BN di sini hari ini, semua 14 parti berkenaan juga bersetuju dan akur dengan sebarang keputusan pemilihan calon dan agihan kerusi yang dibuat melalui perbincangan di antara Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Pengerusi BN dengan ketua parti komponen.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang mempengerusikan mesyuarat itu berkata, permuafakatan yang dicapai itu menggambarkan semangat BN yang sentiasa bersedia bekerjasama bagi menjamin kemenangan.

"Ini juga untuk keberkesanan dalam tindakan-tindakan kita bagi kepentingan negara dan rakyat. BN mestilah sebuah parti yang sentiasa kukuh, teguh dan berpengaruh," katanya yang turut mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa sambutan ulang tahun ke-25 BN di tempat yang sama.

Hadir sama, Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik; Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu; Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan ketua parti komponen BN yang lain termasuk Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob.

Mengenai kehadiran Presiden Parti Progresif Rakyat (PPP), Datuk M Kayveas pada mesyuarat itu di sebalik keputusan mahkamah yang memutuskan pengiktirafan beliau sebagai Presiden oleh Pendaftar Pertubuhan, terbatal dan tidak sah, baru-baru ini, Abdullah berkata:

"Itu tak ada...itu perkara yang berkaitan khusus dengan parti yang berkenaan. Itu saya bincang asing dengan dia, bukan menjadi perbincangan mesyuarat hari ini."

Abdullah yang juga Naib Presiden Umno berkata, larangan terhadap parti komponen membincangkan isu calon dan kerusi itu dibuat kerana sudah ada tindakan lobi-melobi di kalangan orang ramai sama ada untuk menjadi calon atau perebutan kerusi.

"Tindakan melobi ini memang ada...yang berminat jadi calon hantar profil, gambar, salinan sijil dan surat penghargaan sama ada daripada kerajaan, pembesar atau organisasi kerana mereka memberi sumbangan yang istimewa selama ini," katanya.

Beliau juga mencadangkan supaya semua parti komponen BN lain mengikut jejak langkah Umno dengan mengadakan pilihan raya olok-olok bagi mengukur kekuatan jentera masing-masing.

Mengenai sambutan ulang tahun ke-25 BN yang akan diadakan secara besar-besaran beliau berkata, tarikh sebenar sambutannya belum ditetapkan oleh Dr Mahathir tetapi ia boleh diadakan sebelum Jun tahun depan.

Abdullah turut ditanya mengenai saksi utama perbicaraan kes liwat Datuk Seri Anwar Ibrahim, Azizan Abu Bakar yang dihukum penjara tiga bulan oleh Mahkamah Rendah Syariah di Melaka semalam selepas mengaku salah terhadap tuduhan cuba melakukan persetubuhan haram.

Beliau berkata, ia adalah keputusan mahkamah tetapi tidak menolak kemungkinan kes itu turut dijadikan isu oleh pembangkang dalam pilihan raya akan datang.

(END)